

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
KAWASAN : KINABATANGAN
TARIKH : 19 JUN 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan dalam menyediakan jalan raya berturap yang lebih baik di Sabah memandangkan kebanyakan jalan raya di Sabah masih belum berturap dan agak ketinggalan jauh jika dibandingkan dengan jalan raya-jalan raya di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina dan menaik taraf jalan-jalan utama di negeri Sabah dan Sarawak dibuat berasaskan kepada Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan atau HNDP Fasa 2 yang diterbitkan pada tahun 2010. HNDP Fasa 2 ini mencadangkan jalan-jalan utama di Malaysia Timur, khususnya Jalan Pan Borneo dibina dan dinaikkan taraf secara berperingkat sehingga tahun 2025. Ini mengambil kira faktor-faktor seperti pertumbuhan ekonomi setempat, kadar pertumbuhan trafik dan kemampuan kewangan Kerajaan.

Pada masa kini terdapat 1,166km jalan Pan Borneo di Sabah. Keseluruhan jalan tersebut telah sedia berturap, kecuali 145km di laluan Jalan Sapulut – Kalabakan di mana projek ini dijangka akan siap dan sedia berturap pada bulan Oktober 2014. Kos untuk menaik taraf keseluruhan Jalan Pan Borneo di Sabah kepada laluan 'dual-carriageway' dianggarkan sebanyak RM9.5 bilion. Setakat ini Kerajaan telah menaik taraf 114km Jalan Pan Borneo di Sabah melibatkan laluan Kota Kinabalu – Putatan. Program menaik taraf Jalan Pan Borneo di Sabah dan Sarawak ini akan diteruskan dalam setiap Rancangan 5 Tahun Kerajaan.

Untuk tahun 2014 ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 juta bagi menaik taraf Jalan Pan Borneo di Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah tersebut, peruntukan RM100 juta akan

dibelanjakan untuk projek-projek sambungan yang telah komited, manakala RM400 juta lagi baki peruntukan tersebut akan dibelanjakan untuk melaksanakan projek-projek baru, seperti menaik taraf Jalan Donggongon ke Simpang Papar Spur (Pakej 2 dan 3), menaik taraf Jalan Kepayan dari Jambatan Petagas ke Lok Kawi (Pakej 1C), dan Program Pembaikan Cerun Jalan Kota Kinabalu – Sandakan.

Di samping itu, Kerajaan juga akan terus melaksanakan program-program keselamatan jalan di Sabah dan Sarawak, seperti menaik taraf lokasi 'blackspots' dan menaik taraf laluan tertentu jalan yang rosak. Untuk tempoh dari tahun 2012 hingga 2015, terdapat 109 projek keselamatan jalan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di Sabah dan Sarawak melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM457 juta. Di samping itu, Kerajaan juga telah menambah peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan di Sabah di mana sebanyak RM148 juta telah diluluskan pada tahun ini berbanding RM88 juta pada tahun lalu (2013).

Sekian. Terima kasih.